

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [BAKRI] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini penghantaran kontena plastik haram kepada negara asal dan nyatakan negara yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sehingga September 2021, sebanyak 284 kontena mengandungi buangan plastik melibatkan 23 negara telah berjaya dihantar pulang melalui 3 pelabuhan iaitu Pelabuhan Klang, Selangor, Pelabuhan Senari, Kuching, Sarawak dan Pelabuhan Pulau Pinang. Negara yang terlibat dan jumlah kontena yang telah berjaya dihantar pulang ialah, USA (67), France (48), United Kingdom (47), Canada (36), Hong Kong (27), Spain (10), Belgium (7), Australia (6), Singapura (6), Jepun (5), Austria (4), China (3), Korea Selatan (3), Portugal (3), Dominican Republic (2), German (2), Vietnam (2), Arab Saudi (1), Bangladesh (1), Lithuania (1), Poland (1), Sri Lanka (1) dan Taiwan (1). Perincian kontena ini adalah seperti di Jadual yang dilampirkan.

2. Manakala kontena-kontena dalam proses penghantaran balik ke negara pengeksport adalah sebanyak 63 kontena dan jumlah ini akan sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Jumlah tersebut adalah bergantung kepada penguatkuasaan bersepadu yang dijalankan secara berterusan antara agensi. Ianya bukan sahaja melibatkan kontena yang disyaki mengandungi buangan plastik yang tidak mematuhi

perundangan negara dan Konvensyen Basel, tetapi juga melibatkan kontena buangan plastik yang tidak dituntut di pelabuhan melebihi 4 bulan.

Sekian. Terima kasih.

Jadual

**PENGHANTARAN KONTENA SISA PLASTIK SEHINGGA
SEPTEMBER 2021**

BIL.	PELABUHAN	NEGARA	BIL. KONTENA	BERAT (kg)
1.	Pelabuhan Klang, Selangor	Hong Kong	17	464,518
		Spain	10	237,220
		Belgium	7	152,820
		Australia	6	118,800
		Jepun	5	390,770
		Austria	4	108,260
		USA	4	74,166
		China	3	60,999
		Korea Selatan	3	52,790
		German	2	45,360
		Bangladesh	1	20,710
		Poland	1	18,900
		Sri Lanka	1	21,284
		Taiwan	1	21,050
United Kingdom (UK)	1	22,000		
2.	Pelabuhan Senari, Kuching, Sarawak	France	48	991,374
		Amerika Syarikat (USA)	37	702,300

SOALAN NO : 496

		Canada	23	334,426
		Singapore	6	146,886
3.	Pelabuhan Pulau Pinang	UK	46	981,278
		Amerika Syarikat (USA)	26	464,075
		Canada	13	228,508
		Hong Kong	10	217,920
		Portugal	3	73,647
		Dominican Republic	2	48,760
		Vietnam	2	38,195
		Arab Saudi	1	22,300
		Lithuania	1	20,300
Jumlah			284	6,079,616